



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 4 NOVEMBER 2025**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	PEMANDU LORI DIDENDA RM8,000 PINDAH LEMBU TANPA KEBENARAN, NEGERI, SINAR HARIAN, M/S – 20	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
2.	DATA PENDARATAN PANTAU SPESIS TERANCAM, NASIONAL, SINAR HARIAN, M/S – 14	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
3.	RUMAH RAKIT SEPIT BIRU INISIATIF PEDULI KEBAJIKAN PENDUDUK KAMPUNG SUNGAI MANGKOK, NASIONAL, BERITA HARIAN, M/S – 9	
4.	TELAGA TIUB BANTU PESAWAH TINGKAT HASIL PADI, NEGERI, SINAR HARIAN, M/S – 20	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU (KADA)
5.	AJAR OKU ILMU TANAM NANAS, LOKAL, HARIAN METRO, M/S – 10	LEMBAGA PERINDUSTRIAN NANAS MALAYSIA (LPNM)
6.	KEMPEN MEGA MILLION 3.0 TAWAR HADIAH RM2.5 JUTA, NIAGA, KOSMO, M/S – 31	AGROBANK
7.	AGROBANK TAWAR GANJARAN RM2.5 JUTA, BISNES, HARIAN METRO, M/S – 23	
8.	HYDROPONIC HARVEST KEEPS GREEN FRESH, RAIN OR SHINE, NATIONAL, THE SUN, M/S – 6	LAIN-LAIN
9.	GOV SHIFT FOCUS TO FOOD SUBSIDIES, NATION, NEW STRAITS TIMES, M/S – 3	
10.	THORNY TREATS STILL TIDE FANS THROUGH, NATION, THE STAR, M/S – 11	
11.	KEPELBAGAIAN SPESIES BURUNG DI WANG KELIAN, GAYA.SANTAI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 23	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/11/2025	SINAR HARIAN	NEGERI	20

Pemandu lori didenda RM8,000 pindah lembu tanpa kebenaran

SUNGAI SIPUT - Seorang pemandu lori didenda RM18,000 selepas mengaku salah memindahkan 18 lembu tanpa kebenaran pihak berkuasa di Mahkamah Majistret Sungai Siput di sini pada Isnin.

Muhammad Fauzan Razali, 27, didakwa melakukan perbuatan itu di Kilometer 42, Jalan Kuala Kangsar-Ipoh kira-kira jam 2 pagi pada 3 Mei lalu.

Mengikut pertuduhan, dia dituduh memindahkan 18 lembu hidup tanpa kebenaran bertulis sah oleh Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Perak atau mana-mana pegawai.

Dia didakwa mengikut Perenggan 3(a) Perintah Menteri Besar bagi Perintah Kawasan Kawalan Penyakit Kuku dan Mulut Perak 2008 yang dibaca bersama Subseksyen 36(1) Akta Binatang 1953 (Akta 647) yang membawa hukuman denda maksimum RM15,000.

Pendakwaan dilakukan Pegawai Pendakwa JPV Perak, Roziman Awang Tahrin di hadapan Majistret Nazratul Natrah Mohd Yusuf.

Terdahulu, peguam bela, Muhammad Zaem Ab Aziz yang mewakili tertuduh memohon mahkamah mengenakan hukuman denda minimum.

Mahkamah kemudian menjatuhkan hukuman denda selain memerintahkan keseluruhan hasil jualan lembu dilucut hak.



Muhammad Fauzan (kiri) mengaku bersalah di Mahkamah Majistret Sungai Siput pada Isnin.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/11/2025	SINAR HARIAN	NASIONAL	14

Data pendaratan pantau spesies terancam

Nelayan komuniti pemantau paling dekat lapor jika kesan ikan berkurangan

Oleh NOOR AINON MOHAMED SHAH ALAM

Data pendaratan yang direkodkan Jabatan Perikanan (DoF) merupakan kaedah penting dalam memantau secara menyeluruh spesies ikan terancam di perairan negara.

Pensyarah Fakulti Sains Perikanan dan Akuakultur, Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Dr Shazana Sharir berkata, nelayan merupakan komuniti pemantau paling dekat dengan sumber dan laporan mereka haruslah diambil serius dengan melakukan tinjauan saintifik oleh pihak berwajib.

Menurut beliau, tanda-tanda ancaman hanya boleh disahkan menerusi kajian dan pemantauan berterusan.

"Adalah sangat penting untuk kita menggalakkan nelayan darat di seluruh Malaysia melaporkan pendaratan mereka agar pemantauan menyeluruh serta tanda-tanda ancaman dapat ditegah sebelum berlakunya keruntuhan populasi.

"Antara tanda-tanda mudah bagi memerhatikan sama ada spesies ikan lain terancam adalah kurangnya pendaratan ikan berbanding usaha tangkapan yang dilakukan dari masa ke masa," katanya.

Beliau berkata demikian ketika diminta

mengulas laporan *Sinar Ahad* mengenai kepupusan patin muncung di habitat asal yang menjadi petunjuk bahawa ekosistem Sungai Pahang berdepan tekanan serius.

Mengulas lanjut, Shazana yang juga pakar pengkhususan ekologi ikan air tawar itu berkata, perubahan iklim boleh mengubah pola hujan dan kesinambungannya menyebabkan perubahan suhu dan paras sungai.

"Ikan adalah haiwan ektoterma yang mana pengawalan suhu badan bergantung kepada persekitarannya dan kenaikan suhu air boleh mengubah fisiologi sesuatu spesies ikan, menyebabkan ikan stres dan boleh merisikokan kemandirian spesiesnya.

"Perubahan paras sungai menyebabkan terjadinya kawasan cetek, ditambah pula kesan pengorekan pasir dan penebangan hutan di hilir yang menyebabkan penngapan sedimen dan boleh menyebabkan aliran sungai terputus sekali gus menyukarkan migrasi ikan ke habitat-habitat kritikal untuk bertelur.



SHAZANA

"Bagi patin muncung yang bersifat potamodromous (ikan yang berhijrah ke hulu dan hilir sungai), keadaan ini akan menyukarkan ia untuk berhijrah ke hulu sungai dan anak-anak sungai untuk bertelur," ujarnya.

Tambahnya, punca kemerosotan bilangan dan spesies tempatan tidak boleh dipisahkan kepada satu faktor sahaja berikutan isu alam sekitar dan aktiviti manusia tidak boleh

dipisahkan.

"Misalnya, pengenalan spesies asing berbahaya ke perairan tempatan, perubahan iklim, penangkapan ikan berlebihan secara tidak terkawal dan aktiviti pencemaran yang mana semuanya berlaku secara serentak," ujarnya.

Shazana berkata, semakan kepada dasar dan polisi konservasi bagi melindungi perikanan tempatan merupakan keperluan kerana dinamik ancaman spesies ikan tempatan sentiasa berubah dan pelbagai.

"Perlindungan kepada spesies ikan patin muncung akan membantu melindungi bukan sahaja spesies ikan tempatan lain yang hidup di dalam habitat sama, malah dapat melindungi keseluruhan ekosistem," jelasnya.

Laporan Sinar Harian pada Ahad.



Rumah Rakit Sepit Biru inisiatif peduli kebajikan penduduk Kampung Sungai Mangkok

**2030
PERAK
SEJAHTERA**

Pasir Salak: Rumah Rakit Sepit Biru Sungai Mangkok, Kampung Gajah, yang terletak di persisiran Sungai Perak, di sini mula menjadi tumpuan koki pan-cing, selepas menjadi lubuk pemburu udang galah sejak dibangunkan setahun lalu.

Pembinaan rumah rakit di kawasan lubuk udang galah yang sinonim dengan panggilan 'sepit biru' itu, kini menjadi sumber pendapatan kepada penduduk kampung, terutama dalam membantu golongan rentan serta memerlukan mahupun bagi pengajuran program komuniti.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) Kampung Sungai Mangkok, Mohamed Faizal Mastor, 29, berkata kerjasama erat penduduk kampung, khususnya daripada golongan nelayan membolehkan kawasan itu makin dikenali dengan penyediaan pelbagai kemudahan yang sentiasa dipertingkatkan. Menurutnya, inisiatif bertukar keusahawanan komuniti seperti itu bukan sahaja mengang-

kat identiti kampung, malah membuka ruang kepada penguatkuasaan ekonomi setempat, peluang pelancongan komuniti, serta pembabitkan aktif penduduk dalam memajukan kawasan komuniti masing-masing.

Beliau berkata, pembinaan rumah rakit itu bermula pada Oktober 2024 dan siap dalam Februari 2025, namun ia semakin dikenali sejak tiga bulan kebelakangan ini, sekali gus membantu menambah pendapatan kampung lebih sekali ganda berbanding sebelumnya.

"Lokasi ini sememangnya terkenal sebagai lubuk udang galah dan ikan patin. Jadi, kita se- diakan juga kemudahan seperti tempat masak, dapur barbeku, dan sebagainya dengan dua pa-

kej ditawarkan, iaitu meman- cing sahaja serta menggunakan fasiliti berkenaan.

"Hasil daripada sewaan ru- mah rakit ini disalurkan sepe- nuhnya kepada JPKK untuk ke- bajikan orang kampung seperti bantuan awal buat mereka yang ditimpa bencana misalnya ban- jir atau ribut, atau berbentuk kotak makanan mahupun akti- viti komuniti di kampung," ka- tanya kepada BH.

Tambahnya, selain meman- cing udang dan ikan di rumah rakit itu, perkhidmatan sewa bot untuk memancing turut dise- diakan melalui usaha sama de- ngan penduduk, khususnya da- ripada kalangan nelayan, sekali gus membolehkan merasai pe- ngalaman memancing dengan menaiki bot di Sungai Perak.

Katanya lagi, selain sewaan rumah rakit serta bot nelayan projek itu juga memberi man- faat kepada kampung dengan po-

pulasi kira-kira 500 penduduk itu, apabila ada yang berniaga menjual umpan kepada pema- cing.

Dibangunkan hasil inisiatif penduduk melalui peruntukan RM100,000 bagi program Sejahtera Komuniti MADANI (Sejati MADANI), projek berkenaan di- pantau Unit Penyelarasan Pelak- sanaan (UCU) Jabatan Perdana Menteri.

Kata Mohamed Faizal, pema- n- tauan projek dilakukan melalui Pegawai Lapangan Inisiatif Pen- dapatan Rakyat (IPR) di peringkat daerah, iaitu membabitkan Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) Perak Tengah.

Tambahnya lagi, bagi mema- s- tikan kelestarian sumber habi- tat udang galah di sungai ka- wasan itu, bantuan dipohon da- ripada Jabatan Perikanan (DOF) bagi perolehan benih udang ga- lah untuk dilepaskan di kawa- san terbabit, dengan jangkaan

bakal diperoleh tahun hadapan. "Kita ada perancangan dan su- dah berbincang dengan Jabatan Perikanan untuk pelepasan be- nih udang galah dan benih ikan untuk dilepaskan di sungai di situ, cuma kami diberitahu ia akan diperoleh awal tahun de- pan kerana tiada bekalan buat masa ini," katanya.

ICU JPM serta PDT diletakkan antara agensi peneraju kepada *flagship* 'Memasmi Miskin Te- gar 2025' yang digariskan dalam pelan pembangunan negeri Pe- rak Sejahtera 2030 yang dilham- kan Menteri Besar Perak, Datuk Seri Saarani Mohamad.

Selain itu, DOF serta PDT tu- rut diletakkan sebagai agensi peneraju kepada agenda 1 Daerah 1 Aktiviti Ekonomi me- lalui *flagship* Program Pembo- ledayaan Modal Insan & Pem- belajaran Sepanjang Hayat di da- lam pelan pembangunan negeri yang sama.



Pembinaan rumah rakit mengangkat identiti kampung dan mengukuhkan ekonomi setempat.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/11/2025	SINAR HARIAN	NEGERI	20

Telaga tiub bantu pesawah tingkat hasil padi

Inisiatif sokong sistem pengairan utama bagi memastikan tanaman tidak terjejas

Oleh ADILA SHARINNI WAHID
BACHOK



Wan Ismail menunjukkan telaga tiub dibinanya bagi membantu menyalurkan air.

Usaha pesawah membina telaga tiub sendiri terbukti berkesan dalam membantu meningkatkan hasil padi musim ini.

Langkah tersebut juga dilihat sebagai tindakan proaktif dan bijak bagi memastikan tanaman tidak terjejas akibat kekurangan air, sekali gus menjadi pelengkap sistem pengairan utama diuruskan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA).

Pesawah, Wan Ismail Wan Chik, 67, berkata, dia membina tiga telaga tiub di sawahnya yang terletak agak jauh dari saluran utama.

"Dengan kedalaman 27.4 meter, telaga berfungsi menyalurkan air tambahan ke sawah seluas kira-kira empat hektar terutama ketika musim kemarau.

"Air sukar sampai sebab kawasan ini berada di hujung saluran tetapi sejak ada telaga tiub, sawah tidak lagi kering.

"Saya guna enjin menyedut air dan hasil musim ini pun meningkat hampir 20 tan padi," katanya kepada *Sinar Harian* pada Isnin.

Wan Ismail yang tinggal di Kampung Belukar Keting mengakui sudah lebih 50 tahun mengusahakan sawah.



"Kos tiga telaga termasuk enjin pam sekitar RM7,000, namun hasil diperoleh berbaloi menampung perbelanjaan tersebut.

"Sekarang, kalau air dari KADA datang seminggu pun sudah mencukupi kerana kami boleh guna air telaga sebagai tambahan," katanya.

Seorang lagi pesawah, Azri Azizan, 31, mengaku membina satu telaga tiub hasil perkongsian bersama rakannya.

"Telaga ini menjadi penyelamat utama terutama ketika cuaca panas berpanjangan.

"Kami kongsi satu telaga untuk empat petak sawah dengan kos lebih kurang RM2,000, tapi boleh digunakan bertahun-tahun," katanya.

Azri yang memulakan tanaman padi sejak 2017 berkata, hasil tuaian kali ini mencecah 17 tan, sedikit berkurangan berbanding kebiasaan akibat serangan



MOHD ASRI

keladi agas, namun bukan berpunca akibat kekurangan air.

"Kalau ikut musim biasa tanpa masalah, boleh dapat antara 20 hingga 22 tan hasil padi," katanya.

Sementara itu, seorang lagi pesawah, Mohd Asri Mat Se, 67, dari Kampung Pachor dan Baruh Raja mengusahakan kira-kira 16 hektar sawah padi dengan bantuan lima telaga tiub termasuk tiga disumbangkan wakil rakyat.

Katanya, sistem pengairan KADA kekal sebagai tulang belakang bekalan air, namun penggunaan telaga tiub membantu menampung keperluan di kawasan yang berada di hujung saluran.

"Telaga tiub ini banyak membantu apabila musim air rendah, dan hasil padi lebih stabil," katanya.

Katanya, kos modal mengusahakan sawah mencecah RM60,000 semusim termasuk sewa mesin, meracun dan upah pekerja.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/11/2025	HARIAN METRO	LOKAL	10



PROGRAM Kebitaraan di bawah Projek Transformasi Teknologi dan Pengurusan Tanaman Nanas 2025 LPNM di Taman Sinar Harapan Tampoi, semalam. - Gambar NSTP/NAJMI NOR'AZAM

Oleh Izz Laily Hussein
am@hmetro.com.my

Johor Bahru

Dalam usaha meluaskan skop program kebitaraan di bawah Projek Transformasi Teknologi dan Pengurusan Tanaman Nanas 2025, Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) buat julung kalinya memilih komuniti orang kurang upaya (OKU), tahun ini.

LPNM kali ini akan bersama-sama Taman Sinar Harapan (TSH) Tampoi di sini, untuk memperkukuh pengetahuan dan kemahiran dalam meningkatkan kualiti serta produktiviti tanaman nanas melalui penerapan Amalan Pertanian Baik (APB) dan teknologi moden.

Timbalan Ketua Pengarah LPNM, Linda Buang berkata, program kebitaraan yang di bawah projek pembangunan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) LPNM itu akan memberi pendedahan kepada golongan OKU tentang kaedah penanaman nanas yang betul dan sistematik.

"Jika sebelum ini kita banyak menjalankan program pembelajaran ini dengan agensi, sekolah, masjid dan komuniti taman, tahun ini kita dapat meluaskan skop dengan memilih komuniti OKU.

"Kita akan memberikan sulur nanas ini bagi tanaman dalam polibeg, selain baja, racun, peralatan sokongan untuk tanaman serta kaedah teknologi bagi menguruskan nanas.

"Kita akan memantau usaha ini dari penanaman hingga mengeluarkan hasil yang mana hasilnya itu 100 peratus pergi kepada komuniti di institusi ini," katanya ketika ditemui pada program berkenaan di TSH Tampoi di sini, semalam.

Turut hadir, Pengetua TSH Tampoi, Maghfurah Mohd Zahir.

Linda berkata, sebanyak 200 sulur nanas varieti



PENGHUNI TSH Tampoi memasukkan sulur nanas ke dalam polibeg yang disediakan.



WARGA TSH Tampoi teruja terima pendedahan tanaman nanas.



LINDA (tengah) dan Maghfurah (kanan) menyempurnakan tanaman nanas.

Ajar OKU ilmu tanam nanas

LPNM sasar warga TSH Tampoi mampu tuai hasil sehingga 1,000 buah secara sistematik

MD2 diserahkan kepada TSH Tampoi dalam polibeg dan 100 lagi adalah bagi tujuan landskap yang membabitkan insentif RM8,102.

"Kita akan memberi fokus kepada TSH Tampoi ini terlebih dahulu sebagai perintis yang mana hari ini kita mulakan dengan penanaman dan selepas tiga bulan kita bantu bagi kaedah pembajaan pula.

"Kita juga akan mengajar cara kawal penyakit dan makhluk perosak. Bagi varieti MD2, kita ambil tempoh dalam 14 bulan daripada tanam dan buahkan hasil.

"Kita juga akan bantu dari segi perluasan kawasan

dengan tuai semula dan melihat keluasan tanah di sini, kita rasa kita boleh pergi ke maksimum 1,000 buah nanas," jelasnya.

Mengulas lanjut mengenai program kebitaraan LPNM, Linda berkata, ia adalah program tanggungjawab sosial korporat (CSR) agensi berkenaan kepada golongan sasar dengan lebih 60 program telah dilaksanakan di Semenanjung Malaysia pada tahun ini.

Linda berkata, bantuan sulur nanas yang diberikan kepada peserta program adalah antara 300 hingga 3,000.

Pada masa sama, beliau berkata, LPNM dalam pe-

rancangan menambah skop pengisian dalam program berkenaan membabitkan tuai nanas.

"Dalam perancangan kita, memang kita akan pantau setiap rantaian industri dari penanaman dan tuai kedua benih, jualan benih atau perluasan kawasan.

"Akan datang, kita nak buat tuai nanas pula yang mana kita boleh jadikan baja atau makanan haiwan, atau pun benang," katanya.

Sementara itu, Maghfurah berkata, TSH Tampoi yang juga institusi di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) memberi latihan dan penajaan OKU

lelaki berusia 15 tahun ke atas termasuk warga emas.

Katanya, di TSH Tampoi mempunyai kelas pertanian dan sebelum ini mereka sudah mengusahakan beberapa tanaman seperti cili, terung dan serai.

"Selain kelas penilaian asas, latihan kemahiran, latihan wajib, pemulihan dan asuhan; kita mempunyai kelas pertanian. Jadi, apabila kita ditawarkan untuk menyertai program kebitaraan LPNM ini, TSH Tampoi amat teruja kerana ini menjadi satu medium untuk kita luaskan kelas pertanian kita.



Kita akan memantau usaha ini dari penanaman hingga mengeluarkan hasil. Hasilnya itu 100 peratus pergi kepada komuniti di institusi ini"

Linda

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/11/2025	KOSMO	NIAGA	31

Kempen Mega Million 3.0 tawar hadiah RM2.5 juta

PETALING JAYA – Agrobank melancarkan Kempen Mega Million 3.0 bermula 1 November hingga 31 Oktober 2026 dengan menawarkan hadiah bernilai lebih daripada RM2.5 juta.

Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Agrobank Datuk Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin berkata, hadiah utama kempen tersebut adalah sebuah Ford Ranger Raptor dan cabutan bulanan Proton X50.

Pelanggan turut berpeluang memenangi hadiah wang tunai, motosikal Modenas Elit 150S, Sijil simpanan AgroPrimaS dan kepingan emas menerusi cabutan di seluruh negara melalui produk-produk Agrobank seperti AgroPrimaS, AgroPerdana-i PLUS, AgroCash-i, Hartani-i, Ar-Rahnu, Takaful Kasih Plus, Agro Madani, Agro Nurani, penulisan wasiat dan takaful motor.

“Mega Million 3.0 bukan sekadar penghargaan bank kepada pelanggan, malah ia juga adalah salah satu inisiatif memupuk kepentingan perancangan kewangan strategik kepada setiap lapisan masyarakat.

“Produk-produk yang ditawarkan oleh Agrobank direka dengan teliti bagi memenuhi keperluan kewangan pelanggan



TENGKU AHMAD BADLI SHAH

di setiap peringkat kehidupan, sekali gus membantu mereka mencapai kestabilan kewangan yang mampan,” katanya dalam kenyataan yang dikeluarkan di sini semalam.

Menurut Tengku Ahmad Badli Shah, kempen Mega Million 2.0 telah mencapai jumlah keseluruhan deposit melebihi sasaran terkumpul semasa iaitu sebanyak 160 peratus dan juga membantu memberi kesan positif kepada tawaran produk-produk perbankan lain.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/11/2025	HARIAN METRO	BISNES	23



PEMENANG-pemenang kempen Mega Million 2.0 pusingan 3.

Oleh Sri Ayu Kartika Amri
kartika@mediaprima.com.my

Kuala Lumpur

Agrobank kembali dengan kempen tahunan paling dinantikan, Mega Million 3.0 yang menawarkan ganjaran keseluruhan bernilai lebih RM2.5 juta kepada pelanggan di seluruh negara.

Presiden merangkap Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Agrobank, Datuk Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin berkata, kejayaan Kempen Mega Million 2.0 menjadi pemangkin kepada penganguran edisi kali ini.

"Kempen Mega Million 2.0 sudah mencapai jumlah keseluruhan deposit melebihi sasaran terkumpul sebanyak 160 peratus."

"Selain itu, kempen lalu turut mencatat peningkatan positif bagi produk perbankan lain yang ditawarkan menerusi kempen terbabit," katanya.

Beliau berkata, Mega Million 3.0 bukan sekadar bentuk penghargaan kepada pelanggan setia Agrobank, tetapi juga sebagai usaha untuk memupuk kesedaran mengenai kepentingan peranca-

KEMPEN MEGA MILLION 3.0 HARGAI KESETIAAN PELANGGAN

Agrobank tawar ganjaran RM2.5 juta



ngan kewangan strategik.

"Produk yang ditawarkan oleh Agrobank direka dengan teliti bagi memenuhi keperluan kewangan pelanggan di setiap peringkat kehidupan, sekali gus membantu mereka mencapai kestabilan kewangan yang mampan," katanya.

Bermula 1 November 2025 hingga 31 Oktober 2026, kempen kali ini menampilkan hadiah utama sebuah Ford Ranger Raptor, selain cabutan bualan Proton X50 serta pelbagai hadiah menarik termasuk wang tunai, motosikal Modenas Elit 150S, Sijil Simpanan AgroPrimaS dan kepingan emas.

Dalam pada itu, ganjaran ditawarkan juga menerusi pelbagai produk Agrobank seperti AgroPrimaS, AgroPerdana-i PLUS, AgroCash-i, Hartani-i, Ar-Rahnu, Takaful Kasih



"Kempen Mega Million 2.0 sudah mencapai jumlah keseluruhan deposit melebihi sasaran terkumpul sebanyak 160 peratus"

Tengku Ahmad Badli Shah

Plus, Agro Madani, Agro Nurani, Penulis Wasiat dan Motor Takaful.

Maklumat lanjut mengenai kempen boleh diperolehi di laman sesawang rasmi www.agrobank.com.my atau di mana-mana cawangan Agrobank di seluruh negara.



PEMENANG-pemenang kempen Mega Million 1.0 sebelum ini.

Hydroponic harvest keeps greens fresh, rain or shine

KOTA BHARU: Frequent flooding in Kampung Sri Kulim, Melor in Padang Raja has not stopped residents from farming, thanks to the Projek Sejati Madani initiative, which introduced hydroponic farming.

The RM100,000 project, launched in May with the support of the Kelantan Agriculture Department, has already completed four harvest cycles, generating income for villagers.

Sri Kulim Federal Village Development and Security Committee (JPKKP) chairman Badrul Hisham Yaacob said the hydroponic system allows crops such as lettuce, spinach, water spinach, coriander and pak choy to grow on elevated, movable structures without soil, making them resilient to flooding.

Participants were trained in the automatic nutrient film technique (NFT), which continuously delivers nutrient-rich water to keep the plants healthy, reported Bernama.

Each harvest cycle, which takes around four weeks, produces 200 to 300 lettuce plants, some sold to chicken rice vendors, burger stalls and nearby farmers' markets.

Profits are also channelled into the Sejati Madani Community Fund to

assist families during floods or emergencies, with 30 per cent of sales revenue contributed back to the community.

Encouraged by the project's success, the village security committee plans to build two additional greenhouses to expand crop varieties such as fruit vegetables, including mini eggplants and cherry tomatoes.

Badrul Hisham noted that the initiative not only provides income but also strengthens local food security and supports the rural economy.

Housewife Bariah Yaacob, a project participant, said she never imagined growing crops without soil and now earns supplementary income while cultivating fresh, pesticide-free vegetables.

"I used to only plant flowers in my yard, but learning about hydroponics has been exciting because I can now grow fresh, pesticide-free vegetables that are quick to harvest," she said.

The hydroponic farm has also become a social hub, encouraging villagers to cooperate and actively maintain and expand the community's farming efforts.



Kampung Sri Kulim community growers reaping the rewards of modern hydroponic farming. — BERNAMAPIC

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/11/2025	NEW STRAITS TIMES	NATION	3

PHASED IMPLEMENTATION

GOVT SHIFTS FOCUS TO FOOD SUBSIDIES

Sugar, rice and cooking oil may follow rationalisation mechanism for RON95, diesel

MOHAMAD AL AS
AND NOR AIN MOHAMED RADHI
KUALA LUMPUR
news@nsl.com.my

JUST over a month after the rollout of the targeted RON95 petrol subsidy scheme, the government is now shifting its attention to refining targeted subsidies for essential goods such as sugar, rice and cooking oil.

The move is set to be implemented in stages and will be based on the mechanisms for the Budi Madani RON95 (Budi95) scheme and diesel subsidy.

Deputy Finance Minister Lim Hui Ying said the aim was to prevent leakages and boost the efficiency of the subsidy delivery system.

"On subsidies for sugar, rice and cooking oil for targeted groups, the government will look into the gradual and phased implementation of re-targeting subsidy assistance for these goods," she told the Dewan Rakyat yesterday.

She was responding to a question by Bukit Bendera member of parliament Syerleena Abdul Rashid on whether the government planned to expand targeted



Deputy Finance Minister Lim Hui Ying told the Dewan Rakyat that the aim of rationalising food subsidies is to prevent leakages and boost efficiency of the subsidy delivery system. BERNAMA PIC

subsidies to include essential food items.

Lim said the government was currently focused on ensuring the smooth implementation of subsidy programmes for diesel and RON95, which would form the foundation for broader subsidy restructuring.

"To ensure subsidised goods reach intended groups, the government has intensified enforcement through continuous and integrated operations, especially Op Tiris, targeting manipulation and leakages."

Last year, the government spent RM1.945 billion to supply 60,000 tonnes of subsidised cooking oil monthly at RM2.50 per kg under the Cooking Oil Price Stabilisation Scheme. In 2023, the scheme cost RM1.689 billion.

The Auditor-General's Report Series 2/2025 revealed that about 55,167kg of subsidised cooking oil were sold in bulk to restaurants and caterers, indicating misuse of subsidised goods meant for households.

Although sugar subsidies were abolished in 2013, the government

provides incentives to two sugar producers amounting to RM42 million a month, or about RM500 million annually.

Under the 2025 Budget, the government allocated RM2.6 billion to support padi farmers, up from RM2.46 billion the previous year.

The floor price for padi was raised from RM1,300 to RM1,500 per tonne from Feb 16, while the Padi Price Subsidy Scheme rate was increased to RM500 per tonne.

Budi95 came into effect in stages from Sept 27. It limits sales of

RON95 fuel at subsidised prices to Malaysians aged 16 and above who possess a MyKad and an active driving licence.

Lim said the government was confident Budi95 would generate annual savings of RM2.5 billion to RM4 billion.

The figure, she said, was derived from domestic consumption data and the assumption that about 22 per cent of current RON95 petrol usage involved individuals ineligible for subsidies.

"This range of savings takes into account global crude oil price scenarios at between US\$60 and US\$80 per barrel, as well as the removal of subsidies for non-targeted segments such as foreign nationals and commercial users."

She said the approach was consistent with the diesel subsidy rationalisation, which generated RM5 billion in savings, though the initial target was RM4 billion.

"For 2025, the focus will be on monitoring and improving the implementation mechanism to ensure the Budi95 system remains stable and user-friendly."

She said since its launch, nearly 80 per cent of eligible Malaysians had benefited from Budi95.

She said as at Oct 31, more than 13.1 million Malaysians out of 16.5 million eligible individuals had enjoyed the RM1.99 per litre price, involving RM2.66 billion in sales or consumption exceeding 1.33 billion litres.

"This shows that the targeted petrol subsidy system is functioning well and has been well received by the majority of users," she said.

Thorny treats still tide fans through

Off-season durian a sweet 'bonus' for lovers of the fruit

By N. TRISHA
trishang@thestar.com.my

GEORGE TOWN: Forget the calendar – a smaller, unexpected bounty of off-season durian is already hitting the market and thrilling dedicated fans.

Orchard owner Tan Chee Keat, 34, remarked that off-season, or bonus-season, durian are of good quality; however, the finest durian are still typically available during the main season, which runs from May to July.

"This second round is what we call a bonus.

"It takes place every year, usually from December to February. This year, it has come early.

"The fruits are of good quality, but they will be less aromatic because of the rainy season."

"For the aroma to be strong, hot weather is required," he said.

Tan, a third-generation orchard owner, said the main fruiting trees are Musang King, Black Thorn and Hor Lor.

"There are others that do not yield enough to sell.

"This is because almost 80% of our trees bear fruit during the main season.

"Because there are only a few trees to be harvested, we give the fruits away to families or we enjoy them ourselves," he said.

Tan said the bonus durian would have a noticeably different texture.

"The flesh won't be as sticky because the trees have absorbed more water than usual.

"When the weather is hotter, the fruits tend to be stickier and



Reaping rewards: Tan checking on his durian trees during the bonus season at his orchard in Balik Pulau.

— CHAN BOON KAI/The Star

sweeter. But with all the rain we've had, the texture will be softer and less dense," he explained.

Tan said while they depend on the main season for their livelihood, the bonus season also comes in handy as the extra money is used to upgrade and maintain the orchards.

"We use the money to care for the orchard in preparation for the main durian season, which includes repairing roads, upgrading facilities and giving workers a bonus," he added.

Tan said this year-end's strong

winds have also taken a toll on farms, with trees lost due to the bad weather.

Penang Fruit Farmers Association president Kie Kim Hwa said during this bonus season, the availability of durian from the island will be lower compared to other regions.

"You may see durian being sold, but it might not always be from this side of the state.

"The island side has hilly areas, and that means it gets cold quickly, which is not ideal weather for durian."

"There will be more from farms in Seberang Perai and Bukit Mertajam," he said.

Kie also noted that this year's yield is not as good as the previous years due to the weather. The fruits are good and tasty, but their supply cannot meet the demand.

"There are also trees falling over due to the strong winds," he said.

Kie said the unusually wet and cool weather had affected the trees, resulting in a smaller harvest this season.

Oleh MOHD. HAFIZ
ABD. MUTALIB
hafiz.mutalib@mediamula.com.my

SELAIN kaya dengan keindahan flora dan fauna, Banjaran Nakawan sepanjang 36 kilometer berusia lebih 480 juta tahun yang terbentang dari Kuala Perlis sehingga ke Wang Kelian juga mempunyai kepelbagaian spesies burung unik.

Berdasarkan inventori pada 2022, sebanyak 197 spesies burung telah direkodkan di sepanjang Banjaran Nakawan manakala di kawasan Wang Kelian pula merekodkan 170 spesies dan jumlah tersebut dijangka bertambah selepas selesai proses kemas kini.

Antara yang menarik perhatian seperti burung hantu busut atau *Dusky Eagle-Owl* iaitu burung hantu terbesar di Malaysia antara yang ditemukan di Wang Kelian.

Wang Kelian juga menjadi tumpuan pemerhati dan jurugambar dari luar negara untuk ke negeri ini bagi merakamkan gambar serta mencerap pelbagai spesies burung.

Pada 31 Oktober sehingga 2 November lalu, Jabatan Perhutanan Negeri Perlis dengan kerjasama Pertubuhan Kelestarian Ekosistem Alam (NEST) dan Malaysian Nature Society (MNS) telah menganjurkan The Northernmost International Bird Race Wang Kelian 2025.

Penganjuran memasuki edisi kedua itu berjaya menarik seramai 350 peserta dari seluruh negara termasuk jurugambar dari Thailand bagi merakam gambar, merekod dan



PELEPASAN peserta The Northernmost International Bird Race Wang Kelian 2025 pada 31 Oktober lalu. - UTUSAN/IZLIZAN OTHMAN

mencerap pelbagai spesies burung di Wang Kelian.

Selain itu, edisi tersebut juga melibatkan penyertaan pelajar sekolah serta guru-guru yang mendapat pelbagai pendedahan mengenai kepelbagaian spesies burung di Wang Kelian.

Pelbagai aktiviti menarik turut mengisi sepanjang tiga hari penganjuran program tersebut seperti Cross Country Run dan MTB Ride yang menarik ratusan penyertaan. Antara lain seperti Pasar Warisan, Jualan Agro Madani serta pameran daripada agensi kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan komuniti.

Pengarah Perhutanan negeri, Ag Shaffie Ag Ahmadni berkata, Wang

Kelian kini menjadi antara destinasi utama bagi pencerapan burung berikutan lokasi tersebut terdiri daripada ekosistem hutan batu kapur yang mempunyai dirian tumbuhan berbeza dari tempat lain.

Katanya, apabila tumbuhan berlainan, maka sumber makanan burung juga berbeza sekali gus menarik haiwan berkenaan ke lokasi tersebut.

Tambahnya, antara lokasi pencerapan burung di Wang Kelian adalah di sekitar kawasan Taman Negeri, Kaki Bukit dan Kampung Wang Kelian.

"Setakat ini, berdasarkan pemerhatian inventori burung pada 2022, sebanyak 197 spesies burung telah direkodkan di Banjaran Nakawan manakala untuk Wang Kelian, sebanyak 170 spesies direkodkan termasuklah burung hantu busut. Hasil daripada penganjuran The Northernmost International Bird Race Wang Kelian 2025,

ia juga sangat membantu untuk kita kemas kini pelbagai spesies burung selepas ini," katanya.

Tambah Ag Shaffie, terdapat antara dua hingga tiga spesies burung hijrah direkodkan ditemukan di Wang Kelian oleh para peserta bersempena acara itu.

Katanya, kehadiran spesies itu berikutan musim hijrah yang kebiasaan bermula dari bulan September hingga November setiap tahun.

"Burung-burung yang ditemukan ini bukanlah spesies baharu namun baharu direkodkan penemuannya di Perlis. Pada 2026, kita akan kemas kini rekod-rekod penemuan burung-burung ini," katanya.

Sementara itu, Pengerusi NEST, Sulaiman Salikan berkata, menerusi penganjuran kali ini, terdapat sekurang-kurangnya lima spesies burung unik berjaya dikenal pasti antaranya seperti *Black-backed Dwarf-Kingfisher*.

Katanya, penemuan burung tersebut sudah pastinya akan menjadi tumpuan dengan kehadiran pemerhati dan jurugambar dari luar negara bagi merekodkan spesies berkenaan.

"Inilah kelebihan *photo race* ini, apabila peserta berselarak merata tempat, maka mereka akan dapat kenal pasti banyak spesies burung.

"Malah, untuk berjaya menangkap gambar burung berkenaan memerlukan masa antara sehari atau tiga hari menunggu.

"Perlis merupakan

unjuran dari Thailand dan oleh itu, ada spesies burung hanya akan berhenti di negeri ini sahaja serta tidak akan dapat ditemukan di tengah atau Selatan semenanjung Malaysia, itulah keunikan Perlis," katanya.

Seorang guru pengiring murid sekolah, Nurul Farhana pula berkata, dia membawa murid-murid Sekolah Kebangsaan (SK) Padang Melangit menyertai program tersebut yang memberi pendedahan secara langsung kepada mereka mengenai spesies burung di Perlis.

"Diharapkan program-program seperti ini dapat diteruskan dari tahun ke tahun supaya dapat memberi pendedahan terutama kepada murid-murid sekolah mengenai spesies burung unik khususnya di Wang Kelian," katanya.

SPECIES burung Blyth's Hawk Eagle (antara yang berjaya dirakamkan baru-baru ini). - UTUSAN/SHAFUL AZHAR ABU BAKAR



BURUNG Black Backed Kingfisher antara yang berjaya dirakam dan direkod sebagai spesies terbaharu di Wang Kelian.

The Northernmost International Bird Race rekod penemuan spesies baharu

Kepelbagaian spesies burung di Wang Kelian